

KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	KOSMO		
TARIKH	:	4/9/2019	MUKA SURAT	: 6
JABATAN	:	PERHILITAN		
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN		

PDRM, Perhilitan akan kuat kuasa lebih 12 undang-undang sedia ada Pemburu haram akan disebat

Oleh MUHAMMAD TARMIZE MOHD. NOR

BIDOR – Polis Diraja Malaysia (PDRM) mengesyorkan hukuman sebatan mandatori dikenakan terhadap pesalah berkaitan aktiviti pemburuan haram, penjualan dan penyeludupan hidupan liar di dalam negara.

Ketua Polis Negara, Datuk Seri Abdul Hamid Bador berkata, PDRM dan Jabatan Perhilitan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) akan menguatkuasakan kira-kira 12 undang-undang sedia ada berhubung hidupan liar, hutan dan hidupan di laut.

"Lebih 12 undang-undang ini akan dikuatkuasakan dan dimantapkan lagi dengan Akta Pencegahan Pengebuan Wang Haram, Pencegahan Pembinaan Keganasan dan Hasil

Aktiviti Haram (AMLA) mandangkan sejak puluhan tahun lalu hutan dimusnahkan dan hidupan liar ini diburu.

"Kita juga akan lihat sekiranya masih belum dikuatkuasakan hukuman sebatan mandatori kepada mereka yang terlibat, PDRM akan mengesyorkannya untuk dimasukkan ke dalam undang-undang tersebut.

"Antara ialah Akta Jabatan Alam Sekitar, Enakmen Pemuliharaan Hidupan Liar 1997, Akta Hidupan Terkawal, Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 dan Akta Perhutanan 2015," katanya. Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas menghadiri Majlis Pelancaran Operasi Bersepadu Khazanah di Batalion 3 Pasukan Gerakan Am (PGA) di sini semalam.

Turut hadir Ketua Pengarah Perhilitan, Datuk Abdul Kadir



ABDUL HAMID (dua, kiri) merasmikan acara perlepasan Operasi Bersepadu Khazanah di Batalion 3 PGA di Bidor semalam.

Abu Hashim dan Pengarah Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan Kesjahteraan Awam Bukit Aman, Datuk Seri

Acryl Sani Abdullah Sani, PDRM juga akan membawa individu dan sindiket yang terlibat ke

muka pengadilan selain merampas semua harta yang diperoleh hasil daripada aktiviti haram itu. Malah katanya, PDRM juga akan memperketatkan lagi syarat untuk mendapatkan lesen senjata api dan permit memburu di dalam hutan.

Sehingga kini, hampir 30,000 lesen senjata api telah dikeluarkan dan 7,400 daripada mereka diberikan permit untuk memburu.

"Jika ada antara mereka yang terlibat, saya juga akan memastikan lesen dan permit memburu ini dibatalkan dan ditarik balik," katanya.

Jelas beliau lagi, PDRM telah mengenal pasti 19 lokasi panas yang menjadi laluan penyeludupan hasil hutan dan haiwan terkawal merangkumi 13 kawasan di Semenanjung dan masing-masing tiga tempat di Sabah dan Sarawak.